

Ishaq bin Manshur meriwayatkan kepada kami, katanya: Yazid (bin Harun) meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya (bin Sa'id al-Anshaari) meriwayatkan kepada kami bahawa beliau telah mendengar Mu'aaz bin Rifaa'ah menceritakan: "Sesungguhnya seorang malaikat pernah bertanya Nabi s.a.w. Sama seperti ma'na hadits yang tersebut sebelum ini. Dan daripada Yahya bahawa Yazid bin al-Haad menceritakan kepadanya bahawa dia ada bersamanya pada hari Mu'aaz menceritakan hadits ini kepadanya. Kata Yazid (bin al-Haad), Mu'aaz berkata: "Sesungguhnya malaikat yang bertanya itu ialah Jibril a.s.

٣٩٩١ - حَدَّثَنِي إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُوسَى أَخْبَرَنَا عَبْدُ الْوَهَّابِ حَدَّثَنَا خَالِدٌ عَنْ عِكْرِمَةَ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ يَوْمَ بَدْرٍ هَذَا جِبْرِيلُ آخِذٌ بِرَأْسِ فَرَسِهِ عَلَيْهِ أَدَاهُ الْحَرْبُ

3991- Ibrahim bin Musa (ar-Raazi) meriwayatkan kepadaku, katanya: 'Abdul Wahhaab (bin 'Abdul Majid ats-Tsaqafi) meriwayatkan kepada kami, katanya: Khalid (al-Hazzaa') meriwayatkan kepada kami daripada 'Ikrimah daripada Ibni 'Abbaas r.a. bahawa sesungguhnya Nabi s.a.w. bersabda pada hari Badar: "Ini Jibril sedang memegang kepala kudanya. Ia lengkap dengan senjata."¹⁴⁷

١٢-باب

12 - Bab¹⁴⁸

٣٩٩٢ - حَدَّثَنِي خَلِيفَةُ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْأَنْصَارِيُّ حَدَّثَنَا سَعِيدٌ عَنْ قَتَادَةَ عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ مَاتَ أَبُو زَيْدٍ وَمَنْ يَتْرُكْ عَقِبًا وَكَانَ بَدْرِيًّا

¹⁴⁷ Antara yang menarik tentang riwayat ini ialah sanad dan matannya akan berulang di bawah bab Ghazwah Uhud. Memang merupakan perkara biasa sesuatu sanad berulang atau matan hadits berulang, tetapi matannya akan berbeza juga sedikit sebanyak. Menurut para 'ulama' pengkaji Sahih Bukhari, hadits-hadits yang berulang sanad dan matannya tanpa ada sedikit pun perbezaan redaksinya ada lebih dua puluh buah semuanya.

¹⁴⁸ Ini adalah bab tanpa tajuk. Bab tanpa tajuk di dalam Sahih Bukhari sama seperti fasal bagi bab sebelumnya di dalam kitab-kitab lain. Ia juga masih berkaitan dengan kelebihan Ahli Badar.

3992- Khalifah meriwayatkan kepadaku, katanya: Muhammad bin 'Abdillah al-Anshaari¹⁴⁹ meriwayatkan kepada kami, katanya: Sa'id (bin Abi 'Arubah) meriwayatkan kepada kami daripada Qataadah daripada Anas r.a. Kata Anas: "Abu Zaid¹⁵⁰ mati tanpa meninggalkan zuriat. Beliau seorang Ahli Badar."

٣٩٩٢ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُسُفَ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ قَالَ حَدَّثَنِي يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ عَنِ الْقَاسِمِ بْنِ مُحَمَّدٍ عَنِ ابْنِ حَبَّابٍ أَنَّ أَبَا سَعِيدٍ بْنُ مَالِكٍ الْخُدْرِيَّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَدِمَ مِنْ سَفَرٍ فَقَدَّمَ إِلَيْهِ أَهْلُهُ لَحْمًا مِنْ لُحُومِ الْأَضْحَى فَقَالَ مَا أَنَا بِأَكِلِهِ حَتَّى أَسْأَلَ فَأَنْطَلِقَ إِلَى أَخِيهِ لِأُمِّهِ وَكَانَ بَدْرِيًّا فَتَادَهُ بْنُ النُّعْمَانِ فَسَأَلَهُ فَقَالَ إِنَّهُ حَدَّثَ بَعْدَكَ أَمْرٌ نَقَضَ لِمَا كَانُوا يُنْهَوْنَ عَنْهُ مِنْ أَكْلِ لُحُومِ الْأَضْحَى بَعْدَ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ

3993- 'Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: al-Laits meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya bin Sa'id meriwayatkan kepadaku daripada al-Qasim bin Muhammad daripada ('Abdullah) Ibni Khabbaab: Bahawa pernah Abu Sa'id bin Malik al-Khudri r.a. pulang dari suatu perjalanan. Isterinya menghidangkan kepadanya daging qurban. Beliau lantas berkata: "Aku tidak akan memakannya sebelum bertanya. Beliau pun pergi kepada saudara seibunya yang merupakan seorang Ahli Badar, iaitu Qataadah bin an-Nu'man.¹⁵¹ Setelah ditanya, Qataadah menceritakan, katanya: "Sesungguhnya

¹⁴⁹ Muhammad bin 'Abdillah al-Anshaari juga guru Bukhari. Imam Bukhari kadang-kadang meriwayatkan terus daripada beliau. Kadang-kadang pula dengan perantaraan orang lain. Di sini misalnya Bukhari menerima hadits beliau dengan perantaraan Khalifah bin Khayyaaah.

¹⁵⁰ Abu Zaid ialah sahabat Anshaari yang telah ikut serta dalam perang Badar. Para 'ulama' berbeda pendapat tentang nama sebenarnya. (1) Az-Zahabi di dalam Mu'jamu as-Sahabahnyanya menyebut nama beliau Aus bin as-Sakan. (2) Sesetengah 'ulama' mengatakan nama beliau Mu'aaz. (3) Yahya bin Ma'in dan Hafiz ad-Dimyathi pula berkata nama beliau Tsabit bin Zaid. Beliau bagaimanapun lebih terkenal dengan kunyahnya Abu Zaid. Selain perang Badar, beliau juga telah ikut serta dalam peperangan-peperangan lain selepasnya. Abu Zaid merupakan salah seorang huffaaz al-Qur'an di zaman Rasulullah s.a.w. Beliau meninggal dunia di zaman pemerintahan Saiyyidina 'Umar.

¹⁵¹ Qataadah bin an-Nu'man adalah seorang Ahli Badar. Beliau merupakan sahabat dari kalangan Anshaar. Kunyahnya ialah Abu 'Umar, Abu 'Utsman dan Abu 'Abdillah. Dalam perang Uhud, satu peristiwa ganjil telah berlaku kepadanya. Mata beliau tersebur keluar dari rongganya. Sesetengah 'ulama' berpendapat peristiwa itu berlaku dalam perang Badar. Sesetengah yang lain pula berpendapat, ia berlaku dalam perang Khandaq. Imam Baihaqi di dalam Dala'il an-Nubuwwahnyanya mengemukakan dua riwayat daripada Ibnu al-Ghasil tentang peristiwa itu berlaku dalam perang Badar. Tetapi yang lebih sahih ialah ia berlaku dalam perang Uhud. Ibu Sa'ad di

setelah engkau berpergian, hukum larangan memakan daging qurban selepas tiga hari telah dibatalkan (dimansuhkan).¹⁵²

٣٩٩٤- حَدَّثَنِي عُبَيْدُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ حَدَّثَنَا أَبُو أُسَامَةَ عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ عَنْ أَبِيهِ قَالَ قَالَ الزُّبَيْرُ لَقِيتُ يَوْمَ بَدْرٍ عُبَيْدَةَ بْنَ سَعِيدٍ بْنَ الْعَاصِ وَهُوَ مُدَجَّجٌ لَا يُرَى مِنْهُ إِلَّا عَيْنَاهُ وَهُوَ يُكَيِّ أَبُو ذَاتِ الْكَرْشِ فَقَالَ أَنَا أَبُو ذَاتِ الْكَرْشِ فَحَمَلْتُ عَلَيْهِ بِالْعَنْزَةِ فَطَعَنَتْهُ فِي عَيْنِهِ فَمَاتَ قَالَ هِشَامٌ فَأُخْبِرْتُ أَنَّ الزُّبَيْرَ قَالَ لَقَدْ وَضَعْتُ رِجْلِي عَلَيْهِ ثُمَّ تَمَطَّأْتُ فَكَانَ الْجُهْدُ أَنْ نَزَعْتُهَا وَقَدْ انْتَنَى طَرَفَاهَا قَالَ عُرْوَةُ فَسَأَلَهُ إِيَّاهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَعْطَاهُ فَلَمَّا فُيِضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَخَذَهَا ثُمَّ طَلَبَهَا أَبُو بَكْرٍ فَأَعْطَاهُ فَلَمَّا فُيِضَ أَبُو بَكْرٍ سَأَلَهَا إِيَّاهُ عُمَرُ فَأَعْطَاهُ إِيَّاهَا فَلَمَّا فُيِضَ عُمَرُ أَخَذَهَا ثُمَّ طَلَبَهَا عُثْمَانُ مِنْهُ فَأَعْطَاهُ إِيَّاهَا فَلَمَّا قُتِلَ عُثْمَانُ وَقَعَتْ عِنْدَ آلِ عَلِيٍّ فَطَلَبَهَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الزُّبَيْرِ فَكَانَتْ عِنْدَهُ حَتَّى قُتِلَ

3994- `Ubaid bin Ismail meriwayatkan kepadaku, katanya: Abu Usaamah (Hammaad bin Usaamah) meriwayatkan kepada kami daripada Hisyam bin `Urwah daripada ayahnya, katanya: Az-Zubair menceritakan: “Aku bertemu `Ubaidah bin Sa`id bin al-Aash dalam keadaan seluruh tubuhnya ditutupi baju besi. Tidak ada langsung (bahagian tubuhnya)

dalam Thabaqaatnya, Abu Nu`aim di dalam Dala`il an-Nbuwwahnya, al-Haitsami di dalam Majma` az-Zawaa'idnya dan Hafiz Ibnu Hajar di dalam al-Ishaabahny telah mengemukakan beberapa riwayat yang menunjukkan peristiwa itu telah berlaku dalam perang Uhud. Setelah mata Qataadah tersembur keluar dari rongganya, beliau terus pergi menemui Rasulullah s.a.w. dan mengadu hal kepada Baginda s.a.w. Kata Qataadah: “Wahai Rasulullah! Saya ada seorang isteri. Saya sayang kepadanya. Dia juga sayang kepada saya. Kalau dia tengok mata saya begini, mungkin dia akan membenci saya. Oleh itu, berdoalah untuk saya. Setelah Rasulullah s.a.w. berdoa untuknya, matanya kembali seperti sediakala, malah lebih baik lagi daripada keadaan sebelumnya. Qataadah meninggal dunia di zaman pemerintahan Saiyyidina `Umar pada tahun 23H ketika berumur 65 tahun. Saiyyidina `Umar sendiri telah mengimami sembahyang jenazahnya.

¹⁵² Nabi s.a.w. pernah melarang daripada menyimpan daging qurban melebihi tiga hari. Tujuannya ialah supaya orang-orang yang melarat dapat makan daging dalam tempoh itu sepuas hati mereka. Keadaan masyarakat Islam yang rata-ratanya susah dan melarat pada ketika itu menghendaki hukum seperti itu dikuatkuasakan. Kemudian setelah mereka agak senang, tiada lagi keperluan kepada larangan menyimpan daging qurban melebihi tiga hari. Mereka bahkan dibenarkan menyimpan daging qurban seberapa lama mereka mahu. Hadits ini jelas menunjukkan adanya pemansukhan dalam bab hukum-hakam. Ia juga menunjukkan betapa prihatinnya seseorang sahabat dalam persoalan-persoalan agama. Tempat sebenar hadits ini ialah di bawah Kitab al-Adhaahi (Kitab tentang qurban). Imam Bukhari mengemukakannya di sini tidak kerana lain melainkan kerana di dalamnya ada tersebut Qataadah sebagai Ahli Badar.

yang kelihatan selain kedua matanya. Dia dipanggil Aba Zaatil Karisy. Sebaik dia berkata: “Aku Abu Zaatil Karisy”, teruslah aku menyerbunya lantas menikam matanya dengan lembing. Maka matilah dia (dengan tikaman itu). Kata Hisyam, aku diberitahu bahawa Zubair bercerita, katanya: “Aku pijak mayatnya dengan kakiku. Setelah berhempas-pulas dan bersusah payah, barulah dapat aku keluarkan lembing (dari matanya) dalam keadaan hujungnya telah bengkok. Kata `Urwah: “Leming itu diberi Zubair kepada Rasulullah s.a.w. setelah diminta Baginda. Setelah Rasulullah s.a.w. wafat, Zubair mengambil kembali lembing itu. Setelah diminta Abu Bakar, diberinya pula kepada Abu Bakar. Setelah Abu Bakar meninggal dunia, `Umar pula meminta lembing itu. Oleh Zubair diberinya pula kepada `Umar. Setelah `Umar meninggal dunia, Zubair mengambilnya kembali. Kemudian ia diminta pula oleh `Utsman. Zubair memberinya pula kepada `Utsman. Setelah `Utsman terbunuh, ia berada di tangan keluarga `Ali. Akhir sekali `Abdullah bin az-Zubair meminta lembing itu. Lembing itu terus berada dalam simpanannya sehinggalah beliau terbunuh.¹⁵³

۳۹۹۵ - حَدَّثَنَا أَبُو الْيَمَانِ أَخْبَرَنَا شُعَيْبٌ عَنْ الزُّهْرِيِّ قَالَ أَخْبَرَنِي أَبُو إِدْرِيسَ عَائِدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ أَنَّ عُبَادَةَ بْنَ الصَّامِتِ وَكَانَ شَهِيدَ بَدْرٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ بَايَعُونِي

3995- Abul Yamaan meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu'aib meriwayatkan kepada kami daripada az-Zuhri, katanya: Abu Idris `Aa'izullah bin `Abdillah meriwayatkan kepadaku bahawa `Ubaadah bin as-Shaamit – beliau ialah Ahli Badar¹⁵⁴ – berkata: “Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersabda: “Berbai'ahlah kamu kepadaku.”¹⁵⁵

¹⁵³ Riwayat ini menampilkan kisah terbunuhnya `Ubaidah bin Sa'id bin al-Aash yang lebih dikenali dengan nama panggilan Abu Zaatil Karisy dalam perang Badar. Orang yang telah berjaya membunuhnya ialah Zubair bin al-`Awwaam. Dengan itu terbuktilah penyertaan Zubair dalam perang berkenaan. Untuk maksud tabarruk Rasulullah s.a.w. dan para khulafa' sesudah Baginda berganti-ganti meminta dengan Zubair agar beliau meminjamkan lembing itu kepada mereka.

¹⁵⁴ Selain merupakan seorang Ahli Badar beliau merupakan seorang naqib di `Aqabah, Rasulullah s.a.w. telah mempersaudarakan beliau dengan Abi Martsad al-Ghanawi. Beliau telah ikut serta dalam semua peperangan yang dilancarkan selepas perang Badar. `Ubaadah bin as-Shamit adalah seorang yang tinggi, cantik, sasa, meninggal dunia di Ramallah, Palestin pada tahun 34 Hijrah.

¹⁵⁵ Hadits ini dikemukakan Bukhari di bawah bab ini semata-mata kerana ada terebut di dalamnya `Ubaadah bin as-Shamit sebagai Ahli Badar.